

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



ICOPM3 iktiraf
inovasi perladangan
sawit MUKA 3

Tanam semula,
MSPO jamin
produktiviti MUKA 4



PIPOC persidangan sawit terbesar dunia

➔ Pengeluaran sawit mampan untuk kebaikan industri jangka panjang

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition (PIPOC 2017) merupakan persidangan sawit terbesar dunia yang meliputi penganjuran lima persidangan serentak, menghimpun 2,126 peserta dari 50 negara, membabitkan 120 pembentangan oral, 250 poster teknikal dan 360 ruang pameran yang dikunjungi seramai 5,164 pelawat sepanjang tiga hari berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), di sini.

PIPOC 2017 adalah forum strategik untuk interaksi dan perbincangan mengenai inovasi dan perkembangan terkini industri sawit global.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong ketika menyampaikan ucapan pada PIPOC 2017 berkata, pemilihan tema *Treasuring the Past, Charting the Future* adalah tepat dan selaras dengan peranan penting industri sawit yang telah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara seabad lalu dan menjadi inspirasi bagi menghadapi masa depan yang lebih mencabar.

“Tema ini turut menekankan agar kita memanfaatkan pengalaman masa lalu untuk membina industri sawit yang lebih mampan pada masa akan datang.

Pada ucapamannya, beliau turut menyangkal dakwaan badan bukan kerajaan (NGO) bahawa industri



Datuk Seri Mah Siew Keong merasmikan PIPOC 2017. Yang turut hadir Datuk Seri Ahmad Hamzah, Datuk K Yogeesvaran dan Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

sawit adalah ancaman kepada hutan hujan tropika serta kehidupan Orang Utan.

“Kita didorong oleh prinsip yang kukuh bahawa pembangunan mesti disertai dengan usaha pemuliharaan. Ia adalah pembangunan seimbang yang mana Malaysia mempamerkan bahawa kita mampu mengecapi kebaikan dan memberi manfaat kepada semua pihak iaitu manusia dan alam sekitar.

Yang turut hadir pada kongres tiga hari itu ialah Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk K. Yogeesvaran dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

Industri sawit dikawal rapi

Mah menekankan bahawa industri sawit negara adalah satu sektor yang dikawal rapi dengan pelbagai peraturan dan undang-undang.

“Adalah menjadi kepentingan Malaysia untuk memastikan alam sekitar negara dijaga dan ini boleh dilihat betapa luasnya hutan asli di Malaysia pada masa ini. Malaysia

adalah antara negara utama dalam perbincangan perubahan iklim global.

“Di Copenhagen dan Paris, kita adalah antara suara membina dalam hal perubahan iklim dan kita bersetuju secara sukarela untuk mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau. Sehingga kini, kita telah mengurangkan 33 peratus,” tambah beliau.

Mah berkata, litupan hutan negara pada masa ini adalah pada tahap 55.2 peratus dan ini adalah lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan ketika Sidang Kemuncak Rio pada 1992.

“Oleh kerana itu adalah penting untuk kita terus melakarkan masa depan industri ini dengan kemampan jangka masa panjang sebagai pendorong. Ini akan memastikan laluan pasaran berterusan untuk minyak sawit Malaysia dan pada masa sama memastikan minyak sawit sentiasa ada tempat di pasaran minyak dan lemak dunia,” tambah beliau.

Mah berkata, industri sawit negara mesti sentiasa mendahului trend semasa dan kehendak serta

syarat pengimport dan pengguna, terutama dalam isu berkaitan dengan kemampan.

Malaysia komited

Malaysia komited dalam memastikan pengeluaran minyak sawit secara mampan melalui pelaksanaan skim pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Malah, penubuhan skim pensijilan MSPO adalah antara gerak balas terhadap permintaan global yang mahu satu kerangka teguh dalam industri sawit sebagai usaha untuk melindungi alam sekitar.

“Adalah amat mustahak untuk kita mempercepatkan pelaksanaan pensijilan MSPO. Skim pensijilan MSPO menepati kehendak amalan pertanian baik yang merupakan unsur penting dalam pertanian mampan, pengeluaran produk berkualiti tinggi dan peningkatan hasil melalui penggunaan teknologi canggih,” kata Mah.

PIPOC 2017 adalah perjumpaan terbesar industri minyak sawit.

Untuk tahun ini, PIPOC mengambil tema, Menghargai Masa Silam, Melakar Masa Hadapan

Fakta nombor

PIPOC 2017

5 persidangan

serentak dianjurkan

120

pembentangan

oral pada PIPOC 2017

2,216 peserta

terbabit persidangan

5,164

pengunjung

ke pameran selama tiga hari

50 negara

peserta persidangan dan pameran

(*Treasuring the Past, Charting the Future*).

Ia bertepatan dalam membayangkan peranan industri minyak sawit dalam pembangunan sosioekonomi negara selama 100 tahun. Tema ini juga menekankan keperluan untuk mengambil ikhtibar daripada pengalaman lampau sebagai usaha untuk membangunkan industri minyak sawit yang mampan dan teguh.

MPOB International Congress and Exhibition (PIPOC) 2017 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 14 – 16 November lalu adalah persidangan sawit dunia terbesar anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Bertemakan 'Treasuring the Past, Charting the Future' PIPOC 2017 menyediakan forum yang memberi tumpuan kepada pencapaian industri sawit, kemajuan inovasi penyelidikan dan perkembangan pasaran minyak dan lemak dunia.

Sempena ulang tahun ke 100 industri sawit negara, pemilihan tema PIPOC 2017 adalah bertepatan bagi menyingkap pencapaian dan sumbangan penting dalam tempoh seabad lalu dan menjadi inspirasi bagi melakar perancangan masa depan yang lebih mencabar.

PIPOC 2017 melibatkan penganjuran lima persidangan serentak dan pameran teknologi serta perdagangan. Dengan penglibatan 223 organisasi dan 360 ruang pameran, ia merupakan medan yang strategik untuk interaksi dan perbincangan perkembangan terkini industri sawit global.

Persidangan tiga hari menghimpun 2,126 peserta dari 50 negara, 120 pembentangan oral dan 250 poster teknikal oleh pakar dalam industri sawit serta saintis

yang berkongsi penemuan terbaharu hasil penyelidikan serta idea untuk menjana kemajuan industri sawit global.

Perasmian PIPOC 2017 disempurnakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menyaksikan pelancaran dua buku terbaharu terbitan MPOB yang menyingkap perjalanan, cabaran dan pencapaian yang dilalui oleh industri sawit negara.

Buku *The Oil Palm Saga* merakamkan perjalanan panjang, perkembangan dan pencapaian industri sawit dalam setiap dekad bermula tahun 1917 hingga 2017, manakala buku *Monograph: Oil Palm Genetic Resources* pula menyorot kepentingan 'genepool' sebagai sumber menghasilkan bahan tanaman sawit yang berkualiti.

The Oil Palm Saga adalah kompilasi komprehensif peristiwa penting dalam sektor komoditi sawit. Penerbitan buku mengenai pencapaian dalam pengumpulan dan penghasilan benih sawit juga merakam sejarah, kronologi dan perkembangannya yang membentuk industri sawit sebagai tunggak ekonomi negara.

Buku bergambar setebal 200 halaman ini merakam perjalanan epik industri sawit negara. Buku ini juga memuatkan petikan ungkapan tokoh-tokoh dalam industri sawit mengikut zaman bagi rujukan perkembangan industri sawit Malaysia.

Buku *Monograph: Oil Palm Genetic Resources* menampilkan pengalaman tiga penyelidik MPOB dalam bidang biak baka. Pengalaman penyelidik mengembara ke hutan tebal di Afrika dan Amerika Selatan akhirnya membuahkan hasil dengan pelbagai penemuan penting genetik sawit hingga tertubuhnya pusat koleksi germplasma terbesar di dunia baka *Elaeis guineensis* dan *Elaeis oleifera*. Kesedaran mengenai asas genetik dan perlunya pelbagai variasi genetik untuk penambahbaikan masa depan mendorong kepada penerokaan germplasma sawit secara sistematik pada awal tahun 1970-an.

Maklumat penting pengumpulan baka sawit didokumenkan dalam *Monograph: Oil Palm Genetic Resources* yang disusun secara komprehensif berkaitan kaedah pengumpulan, persampelan, penilaian, penggunaan dan pemuliharaan. Penerbitan buku ini akan meningkatkan bahan rujukan dalam bidang biak baka dan memudahkan pengurusan sumber genetik.

Kedua-dua buku terbaharu MPOB boleh diperolehi melalui PalmShopee Malaysia, Ibu Pejabat MPOB atau langganan melalui email palmshopee@mpob.gov.my.

kushairi@mpob.gov.my



Datuk Seri Mah Siew Keong melancarkan buku terbitan MPOB yang turut dihadiri Datuk Seri Ahmad Hamzah, (dua dari kiri) K Yogevesaran (kiri) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din (kanan) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

2 buku pengisahan industri sawit negara dilancar

➔ The Oil Palm Saga, Monograph: Oil Palm Genetic Resources rakam perkembangan industri sawit negara, maklumat sumber genetik pokok sawit

Oleh **Noor Asmawati Abd Samad**
watie@mpob.gov.my

✦ Kuala Lumpur

Dua buku yang masing-masing mengisahkan pencapaian dalam industri sawit dilancarkan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong sempena Kongres dan Pameran Antarabangsa Minyak Sawit (PIPOC) 2017, di sini, baru-baru ini.

Dua buku berkenaan yang diterbitkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia ialah *The Oil Palm Saga* yang merakamkan perjalanan panjang, perkembangan dan kemajuan industri sawit negara dalam tempoh seabad dan buku *Monograph: Oil Palm Genetic Resources* yang menyingkap maklumat praktikal dalam pengurusan sumber genetik tanaman sawit.

Buku *The Oil Palm Saga* diterbitkan

bagi meraikan pencapaian dan perkembangan industri sawit dari awal penanamannya hingga masa ini. Buku ini menggariskan peranan industri sawit membantu meningkatkan ekonomi dan mengubah taraf sosial penduduk Malaysia.

Sejarah tanaman sawit

Digelar *The Oil Palm Saga*, buku ini mengulangi sejarah tanaman sawit secara kronologi dan bagaimana perkembangannya membentuk industri sawit untuk menjadi tunggak utama ekonomi negara.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din berkata, buku ini adalah kompilasi komprehensif peristiwa penting dalam sektor komoditi sawit.

"Ia juga mengungkap visi pemain utama industri sawit dan adalah bahan rujukan berguna mengenai industri sawit Malaysia.

"12 bab buku ini akan membawa pembaca melalui perjalanan epik industri dengan teks dan gambar yang menarik.

Katanya, petikan ungkapan dan kata-kata tokoh industri pada masa lalu hingga kini mengenai industri sawit turut diselitkan dalam buku ini untuk tatapan pembaca.

Sementara itu, buku *Monograph: Oil Palm Genetic Resources* adalah salah satu bentuk dokumentasi aktiviti mendapatkan sumber genetik pokok sawit berdasarkan pengalaman tiga pakar biak baka MPOB selama lebih 50 tahun.

Pengalaman Datuk Dr Kushairi bersama penyelidik, Dr N Rajanaidu dan Dr Mohd Din Amiruddin yang mengembara ke hutan tebal di Afrika dan Amerika Selatan akhirnya mem-

buahkan hasil dengan penubuhan pusat koleksi germplasma terbesar di dunia baka *Elaeis guineensis* dan *Elaeis oleifera*.

Kesedaran mengenai asas genetik yang sempit dan perlunya pelbagai variasi genetik untuk penambahbaikan masa depan mendorong kepada penerokaan germplasma sawit secara sistematik pada awal 1970-an.

Maklumat berharga

Maklumat berharga ini disusun menjadi monograf yang komprehensif berkaitan kaedah pengumpulan, persampelan, penilaian, penggunaan dan pemuliharaan yang didokumentasikan mengikut bab yang tersusun.

Buku ini turut memberi perhatian terhadap kepentingan mematuhi keperluan pengimportan dan kuarantin untuk memastikan perosak yang berpotensi berbahaya tidak diperkenalkan ke negara penerima yang boleh menjejaskan industri sawit tempatan.

MPOB telah memanfaatkan sumber genetik ini untuk membangunkan genotip dengan atribut unik, yang dikenali sebagai 'Palm Series'

Buku ini menyediakan maklumat komprehensif dalam mengendalikan sumber-sumber genetik sawit dan diharap usaha ini akan memudahkan pengurusan sumber genetik pada masa depan.

Pelancaran buku yang diadakan sempena perasmian PIPOC 2017 turut dihadiri Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah, Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk K Yogevesaran dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

MPOB China, AladdinStreet meterai perjanjian e-Dagang

➔ Pasaran minyak sawit guna platform perdagangan atas talian

Oleh Insyirah Mohamad Shah
insyirah@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Institut Perkhidmatan Teknikal dan Penyelidikan Minyak Sawit (PORTSIM China) di bawah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Syarikat AladdinStreet China berkaitan pasaran minyak sawit menggunakan platform perdagangan atas talian atau e-dagang dalam satu majlis yang diadakan sempena dengan Kongres dan Pameran Antarabangsa Minyak Sawit 2017 (PIPOC 2017) di sini, baru-baru ini.

MoU ditandatangani Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din dan Pengerusi AladdinStreet China, Kenneth Lee.

Acara menandatangani MoU berkenaan disaksikan Menteri Pe-

rusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong. Yang turut hadir Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk K Yogevaran; dan Timbalan Pengerusi Aladdin Group, Dato' Wesley Ong King Seng.

Perdagangan secara atas talian atau e-dagang adalah platform perdagangan yang terbesar dan pesat membangun di China.

Pasaran e-dagang di China pada tahun 2016 telah menyumbang sebanyak 39.2 peratus daripada jumlah pasaran e-dagang dunia dengan nilai AS\$3.82 trilion.

Pembabitan industri sawit Malaysia di China yang kini adalah ekonomi kedua terbesar dunia dengan 1.4 bilion penduduk adalah amat penting dalam meningkatkan pasaran minyak sawit Malaysia khususnya melalui kerjasama berasaskan e-dagang ini.

Pasar produk sawit

Pengeksport minyak sawit Malaysia yang berhasrat untuk memasarkan produk mereka menerusi platform ini akan melalui proses penilaian yang teliti sebelum produk mereka dapat diterima bagi memastikan kualiti produk adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Kerjasama dalam bidang e-da-



Datuk Seri Mah Siew Keong menyaksikan acara menukar perjanjian yang telah ditandatangani antara MPOB dan AladdinStreet China.

gang ini dijangka akan dapat mengukuhkan daya saing industri sawit Malaysia melalui insentif dan kemudahan yang disediakan oleh pihak Kerajaan China khususnya untuk e-dagang antarabangsa (cross-border e-Commerce).

Antaranya insentif yang akan dinikmati termasuklah cukai import yang lebih kompetitif, kemudahan stor di zon perdagangan bebas,

sistem logistik yang lebih efektif serta akses pasaran yang lebih luas di negara China.

Taklimat mengenai pasaran e-dagang di China turut dianjurkan sejurus selepas majlis menandatangani MoU oleh wakil PORTSIM China dan AladdinStreet Global.

Taklimat dihadiri lebih 50 wakil syarikat yang terbabit dalam aktiviti pemasaran dan pengeksport

minyak sawit negara.

Pengaruh Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian dalam ucapturnya ketika taklimat tersebut menekankan tentang kepelbagaian produk yang dipasarkan melalui platform e-dagang seperti peralatan elektronik, makanan, perabot, barangan kosmetik dan pakaian.

ICOPM3 iktiraf inovasi perladangan sawit

Oleh Noor Asmawati Abd Samad
watie@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Pertandingan Mekanisasi Ladang Sawit Antarabangsa 3 (International Competition on Oil Palm Mechanisation - ICOPM3) anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengumumkan dua pemenang anugerah merit yang masing-masing menerima hadiah berjumlah US\$10,000 dan sijil.

Dua pemenang anugerah merit berkenaan adalah bagi kategori Teknologi Penuaian dan Teknologi Pemungutan Buah Sawit Relai.

Kedua-dua pemenang menerima hadiah masing-masing yang disampaikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Anugerah merit kategori penuaian dimenangi oleh Norazman Aidros, Malift Technology Sdn Bhd dengan teknologi yang diberi nama Malift Oil Palm Harvester Mark 3 (MOPH 3), manakala kategori pemungutan buah sawit relai dimenangi oleh Mohd Izmer Atiq,



Datuk Seri Mah Siew Keong bergambar bersama pemenang anugerah merit ICOPM3.

Genting Tanah Merah Estate, Genting Plantation Berhad dengan teknologi Scavenger 3.

Penyertaan ICOPM3 yang dibuka mulai Mac 2017 dan berakhir pada 30 Jun 2017 menarik 57 penyertaan dari syarikat perladangan, swasta, universiti dan orang perseorangan dalam dan luar negara.

Secara keseluruhannya, penyertaan ICOPM3 mengikut kategori adalah 27 penyertaan bagi teknologi penuaian, 20 teknologi pemungutan buah sawit relai dan 10 teknologi pemungutan/pengangkutan buah tandan segar.

ICOPM3 dianjurkan sempena sambutan 100 tahun industri sawit

Malaysia tahun ini merupakan kesinambungan bagi ICOPM1 dan ICOPM2 sebagai usaha meningkatkan tahap mekanisasi ladang sawit di Malaysia.

ICOPM merupakan satu cabaran kepada pencipta inovasi dan teknologi seluruh dunia untuk menghasilkan jentera yang boleh diguna

pakai di ladang sawit untuk meningkatkan produktiviti pekerja.

Tujuan penganjuran ICOPM adalah bagi mencari idea baharu dan membangunkan teknologi yang praktikal serta kos efektif bagi aktiviti berkaitan penuaian tandan, pemungutan buah sawit relai dan pemungutan buah tandan segar (BTS).

Selain itu ia bertujuan bagi meningkatkan tahap pengkomersialan serta penggunaan teknologi atau produk inovasi berkaitan mekanisasi ladang dan meningkatkan kesedaran dan pihak industri, universiti dan institusi penyelidikan tempatan dan luar negara bagi membangunkan lagi sektor perladangan sawit.

Pertandingan ini dimulakan dengan penilaian ke atas cadangan reka bentuk konsep dan diikuti oleh sesi pembentangan cadangan oleh peserta.

Panel penilai ICOPM terdiri daripada pakar dalam bidang berkaitan membuat penilaian sesuatu produk ciptaan dari aspek kebolehfungsian, praktikal, potensi untuk meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos bagi membolehkan teknologi tersebut dapat dikomersialkan dengan jayanya.

Tanam semula, MSPO jamin produktiviti

➔ Forum sempena PIPOC 2017 ketengah pelbagai cabaran dihadapi industri minyak sawit

Oleh Iptisam Abdul Wahad
iptisam@mpob.gov.my

■ Kuala Lumpur

Peningkatan pengeluaran sawit melalui penanaman semula dan pengeluaran minyak sawit secara mampan melalui pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) adalah antara fokus utama yang dibincangkan pada sesi forum sempena Kongres Antarabangsa Minyak Sawit (PIPOC) 2017 anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) pada November lalu.

Forum yang bertemakan 'Menghargai Masa Lalu, Melakar Masa Hadapan' (Treasuring The Past, Charting The Future) dihadiri peserta PIPOC 2017 dari kalangan

penggiat industri sawit tempatan dan antarabangsa menyaksikan pembentangan empat kertas kerja panel jempunan yang bertajuk *100 Years of Oil Palm Saga, Oil Palm Economic Growth and Sustainability, Economic and Market Outlook for the Palm Oil Industry* dan *Palm Oil and Health*.

Sesi 'Evening Forum' dikendalikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif IJM Plantations Berhad, Joseph Tek Choon Yee dan disertai empat ahli panel terdiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din; Ketua Pengarah Eksekutif United Plantations Berhad, Dato' Carl Bek-Nielsen; Pengerusi LMC International Limited, United Kingdom, Dr James Fry dan Pakar Klinikal, Dr Azman Ismail.

Panel berkenaan membincangkan pelbagai cabaran yang diha-



Ahli panel membincangkan pencapaian dan perancangan masa hadapan industri sawit pada forum sempena PIPOC 2017.

dapi oleh industri minyak sawit antaranya adalah cabaran untuk meningkatkan pengeluaran minyak sawit melalui penanaman semula pokok yang tidak produktif dengan kaedah penanaman yang lebih baik.

Amalan pertanian baik

Amalan pertanian baik dan mekanisme diutamakan bagi meningkatkan pengeluaran. Diikuti kaedah penanaman dan penggunaan bioteknologi terkini.

Berikutan pertambahan populasi menjelang 2050, permintaan terhadap minyak dan lemak terus meningkat. Dijangkakan sawit akan terus menjadi sumber utama minyak sayuran kerana sawit mampu memberi hasil berganda berbanding soya dan jagung.

Disamping itu, forum ini juga

membincangkan keperluan untuk memperakui kemampuan pengeluaran minyak sawit dan produk keluarannya.

Pembabitan pekebun kecil dalam piawai MSPO adalah penting kerana 40 peratus daripada jumlah kawasan penanaman sawit negara diusahakan oleh pekebun kecil.

Prinsip dan kriteria yang dikhususkan dalam MSPO bertujuan mengurangkan kesan negatif penanaman sawit, meningkatkan hasil dan kualiti buah sawit melalui amalan pertanian yang baik dan menumpukan tanggungjawab sosial dan alam sekitar secara telus dan bertanggungjawab.

Platform dapatkan maklumat

Secara keseluruhannya, 'Evening Forum' berkenaan adalah sebagai

platform strategik bagi meneroka dan mendapatkan maklumat berkenaan industri sawit, teknologi baharu dan khasiat pemakanan minyak sawit.

Ia memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi oleh industri minyak sawit serta untuk menghargai pencapaian dan mengemudi masa depan melalui pertumbuhan industri minyak sawit yang mampan.

Forum ini menyediakan ruang bagi para peserta dan pemain industri untuk mengenang kembali masa lalu dan untuk membincangkan hala tuju masa hadapan industri minyak sawit.

Platform ini membantu menghasilkan idea baharu yang boleh diguna pakai bagi menjana pertumbuhan masa hadapan industri sawit Malaysia.

Transformasi perladangan ala pembuatan tentukan daya saing

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Kuala Lumpur: Industri sawit, seperti sektor pertanian, perlu berfungsi seperti sektor pembuatan sebagai langkah meningkatkan produktiviti dan kecekapan untuk menampung keperluan makanan dunia di masa akan datang.

Untuk itu, industri sawit mesti menjadi sektor berasaskan maklumat, dipacu oleh teknologi dan mengamalkan pematuhan dasar dan undang-undang secara sukarela untuk terus maju dan mampu menjana pertumbuhan mampan.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Ahmad Kushairi Din, berkata faktor pemboleh untuk mewujudkan industri sawit sedemikian adalah transformasi teknologi; Strategi Lautan Biru dan kemampuan menuruti peraturan secara sendiri.

Langkah ke hadapan

"Inilah langkah ke hadapan industri sawit dan hasilnya akan me-

wujudkan satu sektor mampan berserta keharmonian sosial yang menjana pendapatan dan kualiti hidup tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'A Vision for Transformation of the Oil Palm Industry' di Sesi Pleno MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition (PIPOC 2017) di sini, baru-baru ini.

Memetik kata-kata Editor Sains *The Economist*, Geoffrey Carr, yang berkata, "Jika pertanian perlu terus menyumbang makanan kepada dunia, ia perlu menjadi seperti sektor pembuatan," Dr. Kushairi berkata industri sawit perlu mengikuti langkah sama.

Beliau berkata, industri sawit boleh menggunakan teknologi untuk mengamalkan pertanian jitu; teknologi genom dan penjujukan DNA untuk penghasilan baka berciri tertentu dan penggunaan mikrob seperti bakteria dan kulat untuk meningkatkan kesuburan tanah dan pengeluaran hasil.

"Jumlah penduduk dunia dijangka akan meningkat 2.3 bilion orang kepada 9.1 bilion menjelang



Datuk Dr Ahmad Kushairi Din.

tahun 2050. Untuk menampung keperluan makanan dunia, industri pertanian perlu meningkatkan pengeluaran makanan kepada lebih 70 peratus daripada tahap sekarang.

Tingkat tahap pengeluaran

"Ini memerlukan negara pengeksport makanan meningkatkan tahap pengeluaran dan eksport. Sebagai contoh, eksport gula mesti dua kali ganda sementara bijirin

dan minyak perlu digandakan tiga kali. Dan ini semua perlu dilaksanakan melalui tanah pertanian sedia ada," katanya.

Jumlah kawasan tanaman sawit meningkat daripada 55,000 hektar pada 1960 kepada 3.38 juta hektar pada 2000 dan 5.74 juta hektar pada 2016.

Namun, peningkatan kawasan tanaman sawit mula perlahan sejak beberapa tahun lalu. Antara 1975 dan 1985, ia menurun 3.14 peratus dan 2.62 peratus antara 2006 dan 2016.

Sehingga akhir September 2017, kawasan tanaman sawit negara meningkat 0.84 peratus daripada 5.74 juta hektar pada 2016 kepada 5.79 juta hektar. Peningkatan tertinggi dicatatkan di Sarawak.

Dr Kushairi berkata, Malaysia mengalami kekangan dari segi kawasan penanaman sawit kerana kawasan untuk pertanian adalah terhad.

Peningkatan jumlah penduduk negara turut mengurangkan kawasan penanaman sawit berikutan pengubahan tanah ini untuk dijadikan kawasan perumahan, tambah beliau.

Pakar biak baka sawit dunia kongsi teknologi benih

➔ Seminar bincang kemajuan teknologi, kesan kepada industri sawit

Oleh Dr Zulkifli Yaakub
zulkifly@mpob.gov.my

■ Kuala Lumpur

Persatuan Ahli-ahli Pembiakan Baka Kelapa Sawit Antarabangsa (ISOPB) dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan seminar antarabangsa bertema '100 Years of Technological Advancement in Oil Palm Breeding and Seed Production' pada 13 November 2017 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

Objektif seminar ini adalah bagi

membincangkan kemajuan teknologi terkini dalam program biak baka dan penghasilan biji benih serta kesannya kepada industri sawit.

Penganjuran seminar ini menarik seramai 146 peserta dari sembilan negara iaitu Malaysia, Perancis, England, Indonesia, Colombia, Ghana, China, Cameroon dan Amerika Syarikat.

Seminar dirasmikan Ketua Pengerah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din yang juga merupakan Presiden ISOPB.

Dalam ucapan perasmian beliau berkata, seminar berkenaan menghimpun pakar biak baka sawit bagi berkongsi pengetahuan mengenai teknologi yang digunakan untuk kemajuan penyelidikan pembiakan baka sawit.

Katanya, penting bagi pakar biak baka mengkaji dan menggunakan teknologi saintifik terkini bagi penambahbaikan agar terus memberi manfaat kepada industri sawit.

Pada seminar berkenaan, pem-



Datuk Dr Ahmad Kushairi Din berucap merasmikan Seminar ISOPB di Kuala Lumpur.

bentangan dimulakan dengan ucapan oleh Prof. Dr. Kaijun Zhou dari Akademi Sains-Agri China, China dan diikuti dengan sesi pembentangan lain.

Sebanyak 13 kertas penyelidikan dibentangkan dalam tiga sesi. Berseesuaian dengan tema, semua kertas penyelidikan berkisar kepada teknologi terkini yang diadaptasikan dalam program biak baka dan penghasilan biji benih sawit di pelbagai agensi.

Sesi pertama yang bertema Pemilihan Genomik menentang dua pembentangan berkaitan dengan teknologi pemilihan genomik yang menggunakan data genotip untuk menilai prestasi bahan tanaman terutamanya dari segi hasil.

Pada sesi kedua bertema Tek-

nologi Terkini Dalam Biak baka Sawit, sebanyak lima pembentangan dilakukan. Tiga pembentangan membincangkan tentang teknologi magnetik dan infra-merah dalam menganalisa kandungan minyak dari tandan sawit.

Penilaian dan perbandingan dilakukan dengan kaedah konvensional membuka ruang untuk penggiat industri sawit memilih kaedah yang terbaik dalam menganalisa kandungan minyak dalam setiap tandan sawit.

Dua pembentangan seterusnya membincangkan tentang kelebihan dua kit aplikasi molekul iaitu SureSawit dan Karma.

Kit SureSawit digunakan untuk mengenal pasti jenis buah sawit bagi menangani isu pencemaran pokok dura manakala kit Karma

mempunyai kelebihan dalam membezakan bahan tanaman klon yang normal dengan yang abnormal.

Sesi terakhir bertema Pengurusan Data dan Bioteknologi dengan enam kertas kerja dibentangkan.

Kebanyakan isu yang dibincangkan adalah menurus kepada penggunaan teknologi kod bar, data log dan pangkalan data dalam menguruskan pengumpulan data penyelidikan dengan lebih sistematik. Ini bagi memastikan tahap kepercayaan kepada data-data penyelidikan adalah lebih tinggi dengan kadar kesalahan yang minima.

Turut dibincangkan adalah aspek bioteknologi seperti 'protoplast' dan transkriptomik dalam menghasilkan variasi sawit baharu dengan ciri-ciri yang dikehendaki.

MPOB, MPOA jana strategi tingkat hasil sawit

Oleh Shamala Sundram
shamala@mpob.gov.my

Bangi: Forum Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) yang berlangsung di Ibu Pejabat MPOB di sini, baru-baru ini menumpukan kaedah untuk mencapai hasil buah tandan segar 26 tan sehektar setahun dan 23 peratus kadar perahan minyak seperti sasaran Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) menjelang tahun 2020.

Forum teknikal yang memasuki tahun keenam penganjurannya dihadiri 15 ahli MPOA yang diketuai oleh Ketua Eksekutifnya, Datuk Mohamed Nageeb Abdul Wahab.

Forum dipengerusikan Ketua Pengerah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din.

Forum ini bertindak sebagai pentas interaksi di antara MPOB dan MPOA yang dianjurkan bagi memberi peluang kepada pihak industri berkongsi dan berbincang mengenai



Datuk Dr Ahmad Kushairi Din mempengerusikan Forum Teknikal R&D MPOB-MPOA bersama Datuk Mohamed Nageeb Abdul Wahab.

isu-isu penyelidikan yang memerlukan penambahbaikan serta isu polisi yang memerlukan tindakan dari MPOB.

Forum juga meningkatkan hubungan dua hala yang berterusan, disamping mengulas perkembangan aktiviti penyelidikan yang strategik serta pertukaran maklumat dan pandangan mengenai industri sawit negara.

Datuk Dr. Kushairi berkata, me-

lalui interaksi sebegini, MPOB mampu melakukan tindakan sulus dengan efektif serta melaporkan perkembangan penyelidikan selaras dengan kehendak pihak industri.

Sementara itu, Datuk Nageeb mencadangkan agar kekerapan penganjuran forum seumpama ini ditingkatkan. Beliau berpendapat terdapat isu semasa yang memerlukan tindakan segera terutama-

nya di peringkat antarabangsa.

MPOA turut menyenaraikan 12 Teras Penyelidikan Utama (TPU) yang mempunyai impak tinggi terutamanya dalam penanaman dan isu teknikal industri sawit Malaysia.

Walau bagaimanapun, isu penilaian kitar hidup telah dikeluarkan dari senarai TPU kerana isu tersebut berjaya diselesaikan dengan berkesan oleh pihak MPOB.

Isu yang dibincang semasa forum

merangkumi penambahbaikan baka sawit, penyakit Ganoderma, biological oxygen demand (BOD), pelan biosekuriti sawit, mesin penuai bermotor (Cantas), peta genom, nutrisi, teknologi pelepasan, teknologi sisa sifar, penyakit reput pucuk dan serangan ulat bungkus.

Isu lain yang turut dibincangkan adalah kumbang merah kelapa (red palm weevil), tenaga buruh dan kumbang pendebungaan.

Isu penambahbaikan baka sawit telah mencetuskan perbincangan serius semasa forum berlangsung.

Isu ini menjadi perdebatan berikutan pengurangan pada kadar perahan minyak sawit (OER) pada tahun 2016.

Forum berpendapat faktor El-Nino juga menyumbang kepada pengurangan OER sawit, yang dialami oleh setiap syarikat utama sawit di Malaysia. Umur purata pokok sawit juga memainkan peranan dalam penurunan kadar OER negara.

Ahli MPOA berpendapat pokok sawit memerlukan purata umur yang sesuai untuk memperolehi hasil sawit 26 tan sehektar setahun.



Papan sandwic.



Proses penghasilan papan sandwic.




Antara produk papan sandwic daripada batang sawit yang dihasilkan.



**PENERBITAN MPOB
KELUARAN TERKINI 2017**

**THE OIL PALM SAGA
&
MONOGRAPH OIL PALM GENETIC RESOURCES**



RM 150.00 / USD 75.00
180 ms

RM 150.00 / USD 75.00
289 ms
ISBN 9789839191325

PalmShoppe Malaysia
MPOB Bangi
No. 6, Persiaran Institusi Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor

Sila hubungi : En. Rizal Redzuan
Tel: 03-8769 4910
Fax: 03-8922 1872
Email: pshoppe@mpob.gov.my

Hasil papan sandwic daripada batang sawit

➔ Kerjasama MPOB, pengusaha kilang kurangkan sisa batang sawit selepas proses penghasilan papan lapis

Oleh Dr Anis Mokhtar
nitar@mpob.gov.my

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menjalakan projek pembangunan bagi penghasilan papan lapis dari batang sawit pada tahun 2002 dan telah bekerjasama dengan Syarikat Business Esprit Plywood, Sg. Bakap, Pulau Pinang bagi tujuan pengkomersialan.

Hasil dari kajian tersebut, mendapati batang sawit boleh digunakan sebagai bahan mentah alternatif untuk penghasilan papan lapis.

Kualiti papan lapis yang dihasilkan memenuhi kehendak piawaian (EN 310-4) dan boleh digunakan sebagai bahan untuk kerja-kerja pembangunan dan penyediaan projek perumahan serta sebahagian kecilnya bagi pembuatan perabot.

MPOB juga terlibat dengan projek levi di bawah seliaan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) pada tahun 2005 bagi menggalakkan pengusaha kilang papan lapis menggunakan batang sawit sebagai bahan mentah alternatif.

60 peratus sisa/reja
Sebanyak lima kilang papan lapis mengambil bahagian dan bayaran insentif sebanyak RM10,000 sebulan disediakan sekiranya kilang menghasilkan 10 m-3 papan lapis.
Hasil kajian bersama pihak

kilang, mendapati bahawa hanya 40 peratus sahaja batang sawit boleh digunakan untuk penghasilan papan lapis dan bakinya adalah sisa/reja yang tidak digunakan.

Penggunaan batang sawit didapati adalah tidak optimum dalam pembuatan produk papan lapis kerana 60 peratus sisa/reja akan dibuang.

Ini disebabkan sifat semula jadi dari segi fizikal dan mekanikal (kandungan lembapan dan ketumpatan) batang sawit yang unik.

Kandungan kelembapan terlalu tinggi (sehingga mencapai 350 peratus berasaskan berat kering) dan juga julat ketumpatan dari 150 hingga 750kg

Fakta nombor

40 PERATUS
batang sawit boleh digunakan untuk penghasilan papan lapis

56 PERATUS
tambahan pendapatan pengusaha kilang jika produk papan sandwic dihasilkan

m-3 telah membuatkan pihak kilang menghadapi kesukaran untuk memproses batang sawit tersebut.

Kadar kandungan lembapan yang tinggi telah menyebabkan kos pengangkutannya juga tinggi dan kos pemrosesan terutamanya pengeringan yang terlibat juga tinggi.

Ini menyebabkan kos penghasilan produk juga tinggi. Pihak kilang juga menghadapi masalah dari segi pencemaran sampah dan akan melibatkan penambahan kos untuk tujuan pembuangan sisa/reja tersebut.

Sisa tidak dibenarkan untuk dibakar kerana terlalu basah dan tidak sesuai digunakan sebagai bahan bakar di dandang kilang.

MPOB mengambil inisiatif dengan bekerjasama bersama kilang papan lapis untuk menggunakan sisa batang sawit bagi penghasilan produk inovatif papan gentian baharu iaitu papan sandwic.

Penyelidikan dan pembangunan (R&D) dilakukan di loji rintis Pusat Biojism MPOB di MPOB Bangi, Selangor bertujuan mengoptimalkan parameter untuk menghasilkan produk papan sandwic.

Penuhi piawaian penggunaan
Hasil penyelidikan mendapati sisa/reja sesuai dijadikan bahan untuk pembuatan produk papan sandwic. Produk ini memenuhi piawaian penggunaan yang ditetapkan.

Dari 60 peratus sisa batang sawit sebanyak 80 peratus dapat digunakan untuk penghasilan papan sandwic, manakala bakinya 20 peratus tidak boleh digunakan.

Sisa yang tidak boleh digunakan terdiri dari bahagian kulit luar dan juga tisu parenkima.

Produk papan sandwic yang dihasilkan mempunyai kualiti yang setara dengan piawaian yang digunakan (EN301-4).

Berdasarkan proses bersepadu yang dilaksanakan, pembaziran kos pembuangan sisa dapat dijimatkan sebanyak RM15,200 sebulan daripada RM76,000 sekiranya pengusaha kilang menggunakan 100 batang sawit sehari.

Pengusaha kilang akan mendapat tambahan pendapatan sebanyak 56 peratus sekiranya produk papan sandwic dan papan lapis dihasilkan di kilang yang sama.

Imej MPOB juga dapat ditingkatkan sebagai agensi rujukan pihak pelabur dari dalam dan luar negara bagi tujuan pengkomersialan produk daripada batang sawit.

Penggunaan sisa/reja batang sawit yang mempunyai sifat yang unik dengan mencampurkannya menjadi bahan mentah yang sekata dari segi sifatnya.

Reja/sisa dari penghasilan papan lapis ini akan dihanjurkan menjadi partikel/serpai yang kemudiannya akan digunakan untuk penghasilan papan sandwic.

PALM OIL ECONOMIC REVIEW & OUTLOOK SEMINAR 2018
Organized by MPOB

This annual event will highlight the performance of Malaysia's palm oil industry in 2017 and its prospects for the current year, as well as focusing on government initiatives to help enhance the industry's competitiveness and sustainability.

18 January 2018 (Thursday)
Putrajaya Marriot Hotel

To be officiated by
YB Datuk Seri Mah Siew Keong
Minister of Plantation Industries & Commodities

REGISTER NOW!
RM1,060
inclusive of GST

Deadline
10 January 2018

For enquiries or to register, please contact:
Nurul Aishah Musa/Siti Aishah Marjuni
☎ 03-8769 4568/03-8769 4326 ☎ 03-8925 7549/03-8926 1202
✉ nurul.aishah.musa@mpob.gov.my/aishah@mpob.gov.my

www.mpob.gov.my

Lebih 4,000 sertai 'Biodiesel Walking Hunt'

➔ Program dedah pengetahuan
kelebihan biodiesel B10 sawit

Oleh Daryl Jay Thaddeus
daryl@mpob.gov.my

➔ Serdang

Biodiesel Walking Hunt' anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sempena Malaysia Autoshow 2017 yang berlangsung di Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) baru-baru ini berjaya menarik lebih 4,000 penyertaan.

'Biodiesel Walking Hunt' dijalankan menggunakan aplikasi ringkas yang mensyaratkan peserta melengkapkan penyertaan berbentuk soal jawab yang secara langsung mendedahkan pengetahuan mengenai biodiesel B10.

Pengunjung berpeluang memenangi sebuah kenderaan jenama Peugeot 208 dengan memberikan jawapan tepat bagi soalan berkaitan biodiesel B10.

Malaysia Autoshow adalah program anjuran Malaysia Automotive

Institute (MAI) yang mempamerkan kenderaan terbaru daripada syarikat kenderaan dari dalam dan luar negara.

Program dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Promosi B10

Bagi meningkatkan pengetahuan umum berhubung biodiesel, MPOB mengambil inisiatif mempromosikan B10 (adunan 10 peratus biodiesel sawit dan 90 peratus diesel petroleum) dengan menggalakkan pembabitan pengunjung Malaysia Autoshow 2017 menyertai 'B10DIESEL Walking Hunt'.

Pertandingan berkenaan dimenangi oleh Syed Ahmad Azroee Syed Abdullah yang membawa pulang kereta jenama Peugeot 208.

Dengan jumlah 75,000 pengunjung sepanjang empat hari Malaysia Autoshow 2017 ini berlangsung, program ini berjaya menarik minat 4,200 pengunjung menyertai 'B10DIESEL Walking Hunt'.



Ketua Pegawai Eksekutif MAI, Dato' Madani Sahari (kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang.

**Fakta
nombor**

**75,000
PENGUNJUNG**

hadir sepanjang empat hari
ke Malaysia Autoshow 2017
di MAEPS, Serdang

Antara kelebihan biodiesel B10, penggunaannya mampu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (greenhouse gas - GHG) bagi sektor pengangkutan. Dari sudut prestasi enjin, penggunaan biodiesel B10 adalah setara dengan minyak diesel biasa yang ada di stesen minyak di seluruh negara.

MPOB turut mempamerkan sebuah kenderaan yang menggunakan biodiesel B10 selama tiga tahun dengan jumlah perbatuan melebihi 127,000 kilometer tanpa masalah teknikal pada enjin.

Ini bertujuan meningkatkan keyakinan pengguna kenderaan diesel berhubung penggunaan biodiesel B10 dalam enjin diesel tanpa sebarang modifikasi.

Di atas keyakinan bahawa biodiesel B10 tidak akan mendatangkan masalah pada enjin, MPOB sentiasa mengalu-alukan orang awam, syarikat kenderaan dan agensi lain mendalami pengetahuan mengenai biodiesel B10.

Pelaksanaan Program Biodiesel seperti B10 adalah selaras komitmen sukarela Malaysia bagi memulihara kelestarian alam sekitar dengan pengurangan sehingga 40 peratus intensiti pelepasan berasaskan GDP menjelang 2020, berbanding tahap pada 2005 yang di zahirkan semasa Conference of the Parties Ke-15 di United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) di Copenhagen, Denmark pada 2009.

Wartawan antarabangsa kagum pelaksanaan MSPO, kemampuan sawit

Oleh Siti Nurhajar Mariam
Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: MPOB menerima kunjungan delegasi wartawan antarabangsa di Ibu Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini baru-baru ini.

Lawatan yang diatur oleh pihak Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) itu disertai oleh 11 wartawan daripada negara berbeza sempena penyertaan mereka dalam Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa (PIPOC) 2017.

Lawatan yang disambut oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Ahmad Kushairi Din dan pihak pengurusan MPOB bertujuan mendapatkan pemahaman khusus berkenaan aktiviti dilaksana MPOB dalam mempergiat industri sawit, khususnya dalam pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO).

Datuk Dr Kushairi ketika mengalu-alukan delegasi lawatan berkenaan berkata, kunjungan

bagi mendapat pencerahan positif mengenai industri sawit Malaysia daripada MPOB amat bermakna.

Beliau turut berharap pertemuan seumpama ini mampu memberi pendedahan khusus mengenai pembangunan industri sawit di Malaysia di samping memperkenalkan peranan digalas MPOB dalam memartabat industri bagi kesejahteraan ekonomi negara menerusi bidang penyelidikan.

Isu kemampuan industri sawit

Pertemuan sekitar dua jam itu banyak menyentuh mengenai isu kemampuan industri sawit yang tertumpu kepada pelaksanaan MSPO bagi menggantikan RSPO (Roundtable on Sustainable Palm Oil) yang diguna pakai negara pengeluar minyak sawit dunia dalam mengawal kualiti komoditi itu.

Pelancaran Pensijilan MSPO pada 2015 oleh MPOB adalah yang ketiga selepas Indonesia yang terlebih dahulu memperkenalkan ISPO (Indonesian Sustainable Palm

Oil) pada 2011.

Sistem yang diterap RSPO dilihat membebaskan negara pengeluar terutamanya kepada pekebun kecil dengan kos pensijilan yang tinggi dan syarat-syarat yang sentiasa berubah dalam mencapai piawaian yang diluluskan.

Dalam usaha menangani ketirisan dalam pensijilan RSPO, MPOB telah diberi mandat oleh kerajaan bagi memperkenalkan sistem pensijilan sendiri yang lebih mesra kepada pengusaha dan pekebun sawit yang selama ini terikat dengan standard yang bersifat tidak menyeluruh dan sukar dicapai.

MSPO menjanjikan sistem yang telus bagi manfaat pengeluar, pekebun, peniaga, pengguna, dan orang awam.

Dalam sesi soal jawab, pihak MPOB diujani persoalan mengenai sejauh mana tahap keberkesanan MSPO dan apakah piawaian itu mampu dilaksana sepenuhnya seperti yang diuar-uarkan.

"Pelaksanaan MSPO secara



Wartawan asing berswafoto bersama Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir ketika lawatan ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi, baru-baru ini.

mandatori bermula 31 Disember 2019 dijamin mampu menjaga kepentingan industri sawit dan eksport produk sawit ke negara maju," ujar Dr Ahmad Parveez menangkis keraguan yang diutarakan delegasi.

Setakat Mei tahun ini, 244,623 hektar kawasan perladangan sawit di Malaysia telah mendapat pensijilan MSPO. Pada masa sama, ia juga bagi membuktikan kepada pihak luar, khususnya Kesatuan Eropah (EU), bahawa dakwaan mereka terhadap industri sawit ne-

gara adalah salah dan tidak berasas.

Pengenal MSPO adalah antara lima anjakan transformasi digariskan kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sendiri bagi memastikan kecemerlangan masa depan industri sawit bagi tempoh 100 tahun akan datang. Empat anjakan lain adalah mempertingkat pelaburan dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C), serta memberi fokus kepada pengukuhan modal insan.

Pelbagai negara sertai pameran PIPOC 2017

➔ 360 penyertaan diterima dari agensi dalam dan luar negara

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mprob.gov.my

► Kuala Lumpur

Penganjuran Kongres dan Pameran Antarabangsa Minyak Sawit (PIPOC) 2017 yang bertemakan *Treasuring The Past, Charting The Future* berjaya menarik minat lebih 360 penyertaan terdiri daripada pelbagai agensi dan syarikat swasta dalam dan luar negara.

Penyertaan pelbagai organisasi adalah bagi mempamerkan teknologi dan inovasi terkini, produk, peralatan dan perkhidmatan dalam menyumbang kepada kemajuan industri sawit negara.

Pameran antarabangsa dan terbesar bagi industri sawit dikunjungi lebih 5,000 pengunjung sepanjang tempoh tiga hari pameran berlangsung.

MPOB selaku penganjur turut mengadakan pameran yang berjaya menarik minat lebih 1,500 pengunjung dari dalam dan luar



Datuk Dr Ahmad Kushairi Din (kanan) menyampaikan hadiah dan sijil penghargaan kepada pemenang pameran terbaik sempena PIPOC 2017.

negara bagi memperoleh maklumat terkini serta mengadakan perbincangan bersama para penyelidik.

Berkongsi idea, maklumat

Para penyelidik turut berkongsi idea dan maklumat kepada pengunjung yang melawat pameran MPOB.

Di antara maklumat yang dipamerkan di pavilion MPOB sepanjang PIPOC 2017 berlangsung adalah maklumat korporat, maklumat berkaitan teknologi terkini dalam industri sawit merangkumi

bioteknologi, kawalan perosak penyakit, *Oil Palm Resource Information System* (OPRIS), amalan pertanian baik (GAP), sistem pemantauan sawit (SPS), dan maklumat pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO).

Perkongsian maklumat oleh penyelidik memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pengunjung mengenai peranan, fungsi serta aktiviti yang dilaksanakan oleh MPOB.

Pameran PIPOC turut dikunjungi oleh Menteri Perusahaan Per-

ladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong; Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk K.Yogeesvaran; Pengerusi MPOB Datuk Seri Ahmad Hamzah; dan Ketua Pengarah MPOB Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din.

Penganjuran PIPOC 2017 berjaya menyalurkan maklumat terkini kepada para penyelidik dan penggiat industri sawit dalam mengatur strategi untuk mengatasi isu dan cabaran yang berlaku dalam sektor komoditi berkenaan.

IOOP pelajari R&D industri sawit Malaysia

Oleh Nor Asliza Semiran
norasliza@mprob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima kunjungan delegasi Research Institute of Oil and Oil Plants (IOOP), Vietnam sempena rangka lawatan kerja ke Malaysia baru-baru ini.

IOOP merupakan sebuah agensi penyelidikan di bawah Kementerian Industri dan Perdagangan Vietnam yang bertanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam sektor tanaman penghasil minyak.

Delegasi Vietnam diketuai oleh Pengarah IOOP, Dr. Le Cong Nong dan disertai oleh tiga pegawai kanan terdiri daripada Penolong Pengarah IOOP, Nguyen Dang Phu; Ketua Bahagian Tumbuhan Asas Minyak IOOP, Thai Nguyen Quynh Thu; dan Penolong Ketua Bahagian Oleokimia IOOP, Vo Buu Loi.

Lawatan kerja dua hari tersebut bertujuan mempelajari lebih mendalam tentang industri sawit Malaysia dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan di MPOB.

Lawatan ke MPOB dimulakan dengan kunjungan hormat ke atas

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din.

Semasa sesi kunjungan hormat tersebut, Ketua Pengarah MPOB dan Pengarah IOOP bertukar pendapat tentang industri komoditi sawit, aktiviti R&D dan faedah yang boleh dikongsi antara kedua buah negara dalam R&D secara amnya.

Wujudkan hubungan lebih erat

“Saya mengalu-alukan lawatan IOOP ke MPOB bagi mewujudkan hubungan yang lebih erat terutamanya dalam bidang R&D yang melibatkan pembangunan sektor komoditi sawit secara amnya”, kata Datuk Dr. Kushairi dalam perbincangan dua hala bersama delegasi daripada IOOP.

Delegasi IOOP juga diberi penerangan oleh Pengarah Bahagian Biologi, Dr. Norman Kamarudin tentang aktiviti penyelidikan hulu yang dijalankan di MPOB.

Menurut beliau, aktiviti penyelidikan seperti kajian agronomi dan kesuburan tanah, kajian perosak dan agen kawalan biologi, kajian penyakit Ganoderma serta kajian mekanisasi perladangan ini dapat meningkatkan produktiviti

dan hasil, mengurangkan kos dan menghasilkan minyak sawit mampan.

Delegasi turut dibawa melawat kemudahan penyelidikan yang terdapat di MPOB seperti makmal pembuatan kosmetik, makmal analisa 3-monochloropropane (3-MCPDE) & glacidyl fatty acid esters (GE), makmal x-ray crystallography, dan juga makmal kultur tisu dan biak baka.

Peluang ini digunakan sepenuhnya oleh delegasi untuk berinteraksi dengan para penyelidik MPOB bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan dan penyelidikan terkini terutamanya kegunaan minyak sawit dalam industri oleokimia, penghasilan baka pokok sawit yang lebih baik dan teknologi dalam penganalisan bahan kom-taminasi.

Tingkat pemahaman

Lawatan ke ladang sawit dan kilang pemrosesan minyak sawit milik Sime Darby Plantation Sdn Bhd yang terletak di Pulau Carey memberi peluang kepada delegasi untuk melihat lebih dekat dan memahami tentang sistem pengurusan perladangan dan pemrosesan minyak sawit.



Wakil IOOP ketika melawat makmal pembuatan kosmetik di Ibu Pejabat MPOB, Bangi.

Di samping itu, delegasi diberi taklimat mengenai pengurusan perosak bersepadu untuk mengawal perosak utama sawit. Antaranya ialah kawalan tikus perosak oleh burung pungguk dan tanaman bermanfaat *Tunera sp.* untuk kawalan ulat bungkus.

Salah satu inovasi dalam mekanisasi ladang untuk meningkat-

kan pengeluaran produktiviti turut didedahkan kepada delegasi iaitu penggunaan sabit mekanikal yang digunakan untuk menuai buah tandan segar sawit.

Lawatan ini telah membuka mata IOOP tentang sistem perladangan dan penghasilan minyak sawit secara mampan yang diamalkan di Malaysia.

Mendekati chef muda di Seoul

➔ Persidangan pupuk minat, penerangan keenakan masakan guna minyak sawit Malaysia

Korea Selatan. Master Chef Jochen Kern, antara tiga Master Chef di Asia, menerangkan mengenai minyak sawit dan minyak sawit merah Malaysia dan kaedah terbaik untuk menggunakan minyak-minyak tersebut. "Minyak sawit Malaysia sangat sesuai untuk tujuan penggorengan kerana stabil pada suhu yang tinggi. Makanan yang digoreng rasanya rangup. Paling penting untuk seorang chef ialah untuk mencapai rasa masakan yang diinginkan kerana minyak ini rasanya neutral.

"Ini berlainan dengan setengah minyak lain yang mempunyai rasa tersendiri yang kuat. Minyak sawit sesuai untuk digunakan dalam hidangan yang mana rasa minyak masak tidak mempengaruhi rasa yang ingin ditonjolkan oleh seorang chef," katanya.

Hadirin menunjukkan minat bila diperkenalkan pula dengan minyak sawit merah kerana warnanya yang menyerlah. Mereka diberikan peluang untuk merasa dan mendapati yang minyak ini juga mempunyai rasa yang neutral.

"Minyak sawit merah sangat berkhasiat dan warnanya pula menarik."

Kaya vitamin

Master Chef Jochen turut menunjukkan cara penyediaan sos atau dressing salad yang menggunakan minyak sawit merah.

"Sos ini kaya dengan vitamin. Lihat saja pada warnanya yang merah, yang bukan saja mencantikkan penampilan sos yang anda buat, tetapi juga membuktikan yang ia mengandungi pro-Vitamin A karotenoid. Dan ia juga mengandungi Vitamin E tokotrienol," kata Jochen lagi.

Beliau menegaskan bahawa minyak sawit dan minyak sawit merah baik untuk kesihatan kerana bebas daripada lemak trans dan kolesterol.

"Setiap hari saya sendiri mengambil sesudu minyak sawit merah, kerana itu saya nampak awet muda," gurainya.

Master Chef Jochen yang menyokong penuh minyak sawit Malaysia, turut menerangkan keupayaan minyak berasaskan tumbuhan ini untuk memenuhi per-

mintaan bagi minyak dan lemak bukan dari sumber haiwan. Ini penting untuk golongan vegetarians atau mereka yang hanya memakan sayur-sayuran dan buah-buahan."

Pakar teknologi makanan dari MPOC, Teah Yau Kun pula menerangkan ciri-ciri, fungsi, dan komposisi minyak sawit dan minyak sawit merah. Ini termasuk minyak sawit boleh digunakan pada suhu yang tinggi, mengurangkan serapan minyak dalam makanan, dan mempunyai kandungan antioksidan yang tinggi.

"Minyak sawit secara semulajadinya adalah separa pepejal atau semi solid. Ini satu kelebihan yang mana ianya tidak perlu melalui proses penghidrogenan sebelum digunakan dalam pengilangan makanan.

"Proses itu perlu dilakukan bagi minyak sayuran lain yang dalam bentuk cecair bagi tujuan memekalkannya dan ini sebenarnya mengakibatkan penghasilan lemak trans yang berbahaya untuk kesihatan," katanya

Kelebihan

Kelebihan yang disebut membuktikan minyak sawit memainkan peranan yang meluas dalam penggorengan, pembuatan coklat sebagai pengganti lemak koko, produk bakeri dalam bentuk lelembak atau shortening, non-dairy cream atau krim yang tidak berasaskan tenusu, ais krim, dan konfeksi.

Sesi soal jawab menutup tirai pertemuan itu dengan peserta yang berminat untuk mengetahui jangka hayat, harga dan kegunaan lain minyak sawit Malaysia.

Sebelum pulang Chef Aiden yang mewakili peserta rata-ratanya berpuas hati dengan penerangan dan sampel minyak sawit Malaysia yang diberikan, mengucapkan terima kasih di atas peluang untuk mengenali minyak sawit dengan lebih dekat.

Pastinya maklumat tepat mengenai minyak sawit Malaysia yang diberikan dan sesi soal jawab bersama dengan chef muda itu, mampu mempengaruhi pilihan minyak yang bakal mereka gunakan pada masa akan datang.



M P O C

Siri kedua kepada *Malaysian Palm Oil International Conference: Revolution in Professional Kitchen* telah diadakan di Seoul, Korea Selatan pada 28 Oktober 2017, bertempat di COEX, seiring dengan *Food Week Korea 2017*.

Persidangan anjuran Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kesesuaian minyak sawit Malaysia untuk pelbagai jenis masakan dan memberi maklumat mengenai khasiat dan ciri-ciri minyak sawit.

Ia juga untuk memberi peluang kepada lebih kurang 90 chef muda, termasuk penyarah bahagian kulineri untuk mengenali lebih dekat dan merasai sendiri minyak sawit.

Pengenalan ini penting untuk memupuk minat dan memberi penerangan penuh agar permintaan tinggi untuk minyak sawit dapat diwujudkan dalam kalangan industri hotel, restoran dan katering.

Sesuai untuk masakan Korea Selatan

A Chef Academy di Korea Selatan, Aiden Ahn adalah tetamu jemputan. Beliau menyampaikan kata-kata aluan kepada hadirin dan melahirkan rasa minat terhadap minyak sawit Malaysia yang amat sesuai untuk digunakan bagi masakan



1 Lemak Trans % Bebas lemak trans	2 Mudah dihadam	3 Sumber tenaga yang sangat baik
4 Sumber asid lemak yang penting	5 Membantu meningkatkan paras kolesterol baik - HDL	6 Mengandungi Vitamin E tokotrienol
7 Khasiat yang seimbang	8 Antioksidan yang membantu mencegah strok	9 Antioksidan yang membantu menghindari kanser
10 Kesan neutral ke atas kolesterol dalam darah	11 Bebas kolesterol	M P O C

Fakta menarik tentang khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia



Koperasi penanam sawit mampan bantu pekebun kecil tingkat pendapatan

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sangat prihatin terhadap kebajikan pekebun kecil sawit terutama untuk meningkatkan produktiviti industri sawit dan pendapatan pekebun kecil.

Oleh yang demikian, penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) adalah salah satu strategi MPOB bagi menggalakkan penyertaan pekebun kecil dalam gerakan koperasi untuk bersatu di bawah satu payung.

Penubuhan koperasi ini adalah satu alternatif bagi pekebun kecil menjalankan aktiviti ekonomi melalui Amalan Pertanian Baik termasuk jualan buah sawit secara berkelompok terus ke kilang. Dalam hal ini, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.12 juta di mana RM40,000 diperuntukkan untuk penubuhan sebuah KPSM.

Sehingga Disember 2016, usaha sama MPOB telah membawa kepada penubuhan 36 KPSM di seluruh negara. Dengan inisiatif ini, ia dapat membantu pekebun kecil di seluruh negara yang mengusahakan tanaman sawit dengan keluasan melebihi dua juta hektar. Malah penubuhan KPSM adalah sebagai batu loncatan untuk pekebun kecil meningkatkan pendapatan masing-masing.

Melalui penyatuan seluruh pekebun kecil di bawah KPSM memudahkan penguurusan kebun sawit dilaksanakan secara efisien serta sempurna. Hal ini perlu bagi mencapai pengeluaran hasil



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nur Sabrina Syasya binti Rozaidi

SMK Seksyen 4 Bandar Kinrara, Puchong

membawa banyak kebaikan. Buktinya, aktiviti ini mencatatkan peningkatan harga jualan oleh pekebun kecil yang dianggarkan RM25 bagi setiap tan berbanding jualan melalui peniaga buah sawit.

Di samping itu, kemudahan overdraft turut disediakan kepada ahli KPSM bagi pembiayaan modal pusingan yang disediakan oleh kerajaan melalui Agro Bank untuk menjalankan jual beli BTS. Hal ini secara tidak langsung memberi pulangan pendapatan terbaik kepada pekebun kecil.

Tambahan lagi, pekebun kecil boleh membuat pinjaman melalui koperasi ini bagi pembelian pemotong sawit bermotor yang dikenali sebagai cantas bagi menuai tandan sawit dan pelepahnya dengan lebih cepat dan mudah. Penggunaan teknologi baharu serta moden dalam penanaman sawit akan memberi impak kepada peningkatan pendapatan pekebun kecil.

Secara getis pengeluaran sawit mampan adalah penting dalam industri untuk menjamin pasaran sawit Malaysia di luar negara dan penawaran harga yang lebih tinggi bagi peningkatan pendapatan pekebun kecil.

Intihannya, golongan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit diharapkan tidak berleghang untuk turut serta menjadi ahli KPSM agar memperoleh manfaat yang tidak terhitung lebih-lebih lagi bagi meningkatkan pendapatan serta taraf hidup para pekebun kecil.

sawit dan pendapatan pekebun kecil yang tinggi.

Menurut analisis pendapatan hasil sawit bagi pekebun kecil, pendapatan yang paling rendah yang diperoleh oleh pekebun kecil ialah sebanyak RM25 sahaja. Oleh itu, dengan wujudnya KPSM, pekebun kecil berpendapatan rendah boleh melibatkan diri sebagai ahli KPSM untuk meningkatkan pendapatan sedia ada melalui penglibatan dalam segala kemudahan yang ditawarkan oleh KPSM.

Tamsilnya, pekebun kecil yang menjadi ahli KPSM dapat menikmati penjualan buah sawit pada harga tinggi dan telus, potongan selepas jualan dividen akhir tahun waima memperoleh skim pensijilan MSPO.

Bukan itu sahaja, KPSM juga telah menawarkan jualan terus buah tandan segar (BTS) ke kilang bagi pekebun kecil. Aktiviti ini

Pekebun kecil main peranan penting dalam perkembangan industri sawit negara

Industri sawit merupakan sumber komoditi utama Malaysia yang telah meletakkan negara pada kedudukan yang kukuh di persada komoditi sawit Asia Tenggara mahupun dunia. Kejayaan ini adalah bertitik tolak dari penggembengan tenaga para pekebun kecil sawit sebagai pemangkin industri sawit yang utama.

Pekebun kecil sawit merupakan penyumbang terbesar produktiviti komoditi negara. Sehingga kini, industri sawit telah menjadi sumber pendapatan utama kepada hampir 650,000 pekebun kecil sawit yang melibatkan sebanyak 2.7 juta hektar penanaman sawit. Bilangan pekebun kecil sawit ini meliputi pekebun kecil sawit terancang mahupun persendirian.

Pekebun kecil sawit sememangnya kelompok perintis yang melonjakkan peningkatan produktiviti sawit. Ini adalah satu kenyataan yang tidak boleh disangkal lagi, memandangkan mereka yang merupakan peneroka tanah dan terlibat secara langsung dalam penanaman, pembajaan serta penjagaan dan juga proses penuaian hasil sawit sehingga kepada peringkat pemprosesan.

Selain itu juga, pekebun kecil sawit memainkan peranan untuk meningkatkan kualiti sawit dengan mengikuti kursus, seminar serta mendapatkan khidmat nasihat dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Berpandukan khidmat nasihat serta bimbingan ini, pekebun kecil sawit akan mengaplikasikan dalam semua peringkat sama ada dalam



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Rokiah Mat Daud
Kuala Nerus, Terengganu

pemilihan baka sawit yang baik, penggunaan baja yang efektif serta peringkat penuaian yang sesuai agar dapat menghasilkan buah sawit berkualiti tinggi.

Pekebun kecil sawit yang bijak adalah mereka yang mampu membantu industri sawit dengan ilmu serta kemahiran dan kebijaksanaan. Justeru itu, industri sawit akan kekal mantap dan berdaya saing.

Oleh itu, pekebun kecil sawit hendaklah memainkan peranan yang bijak terutamanya dalam membantu industri sawit memastikan kestabilan harga sawit. Mungkin ini merupakan suatu yang dianggap mudah, akan tetapi tanpa peranan bijak pekebun kecil sawit kestabilan harga mungkin akan terjejas.

Oleh yang demikian, pekebun kecil sawit hendaklah sentiasa peka dan memastikan penjualan sawit mentah disalurkan pada saluran yang betul dan terjamin.

Disamping itu juga, pekebun kecil sawit hendaklah sentiasa membantu industri dengan bertindak sebagai duta kecil industri sawit untuk meningkatkan

kesedaran ramai tentang kebaikan minyak sawit yang menjadi propaganda Eropah sebagai minyak yang tidak sihat dan tidak berkualiti. Dengan cara ini, masyarakat akan lebih menghargai hasil-hasil sawit yang sebenarnya amat baik untuk kehidupan manusia.

Kehidupan dunia kini yang banyak mengaplikasikan teknologi banyak mendedahkan pekebun kecil sawit kepada penggunaan teknologi dalam industri sawit. Oleh itu, sebagai pekebun kecil sawit alaf 21, ia bukanlah suatu yang susah untuk mengaplikasikan teknologi. Bahkan teknologi yang digunakan mampu meningkatkan produktiviti dan memaksimumkan penggunaan tenaga manusia. Antaranya seperti jentera penyuntik kawal Gano-derma, jentera pemungut buah sawit lerai, E-cutter dan sebagainya.

Kesimpulannya, kemandirian industri sawit perlu didokong bersama pekebun kecil sawit agar industri kekal berdaya saing dan terus menjana ekonomi para pekebun kecil dan negara umumnya. Pekebun kecil hendaklah sentiasa mencari peluang memajukan industri ini setanding komoditi yang lain. Bagi memantapkan peranan pekebun kecil sawit, mereka hendaklah sentiasa berganding bahu bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang sentiasa mendokong cita murni menjana perubahan industri sawit, kini dan selamanya melalui usaha murni yang berterusan dari masa ke semasa.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN DISEMBER 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Minyak sawit pelbagai guna dan sesuai untuk pelbagai hidangan. Bincangkan".

Tiga pemenang utama bagi setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama : **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua : **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga : **RM150**

Kategori 2 – Awam
Tajuk: "Penggunaan minyak sawit dalam hidangan penuhi keperluan khasiat pemakanan. Bincangkan".

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan JANUARI 2018 akan datang.

KEPUTUSAN PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN NOVEMBER 2017

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Nur Sabrina Syasya Rozaidi
SMK Seksyen 4, Bandar Kinrara
Puchong, Selangor

Hadiah Kedua
Amira Fatini Ahmad Ridzuan
MRSM Kepala Batas
Pulau Pinang

Hadiah Ketiga
Syafiah Asilah Salleh
MRSM Taiping
Taiping, Perak

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Rokiah Daud
Kuala Nerus, Terengganu

Hadiah Kedua
Ahmad Naqib Salleh
Jalan Sentosa,
Rawang, Selangor

Hadiah Ketiga
Rohayu Jelani
Bandar Tasek Mutiara
Simpang Ampat,
Pulau Pinang

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas.
- ◎ Bukan kakitangan MPOB.
- ◎ Panjang esei di antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor telefon, alamat email (jika ada) nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport.
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad.
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 25 Disember 2017.
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB, 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: **Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)**
Email: **watie@mpob.gov.my**



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong mendengar penerangan berkaitan baka sawit oleh Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din yang dipamerkan di pavilion MPOB sempena Kongres dan Pameran Minyak Sawit Antarabangsa (PIPOC) 2017 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).



Datuk Seri Mah Siew Keong menyentuh replika lampu ajaib sebagai simbolik pelancaran Palm Oil Chapter, AladdinStreet China yang dilancarkan sempena majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan syarikat berkenaan.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur dan Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah bersama sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam kejohanan golf sempena PIPOC 2017, di Pulau Carey, Selangor.



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur menyampaikan cenderamata berupa syiling peringatan sambutan 100 tahun industri sawit Malaysia kepada peserta Program Suaikenal Industri Sawit yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan Iran.



Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din beramah mesra dengan Duta Belgium ke Malaysia, **Daniel Dargent** yang membuat kunjungan hormat sempena PIPOC 2017.